

**Fairuz Zaidan** →

fairuzaidan@bh.com.my



# Pancaran warna retro

» **Koleksi pakaian**  
cetus inspirasi gaya diri

**M**eminjam inspirasi kegemilangan retro era 60-an, jenama fesyen terkenal BIEM membawa sesuatu yang segar untuk digarap dalam pentas fesyen masa kini. Ilham buat jejak mahupun wanita, garapan fesyen yang diangkat memastikan kesinambungan gaya untuk menjadi salah satu pelengkap penataan gaya ke pejabat.

#### Tema warna kehidupan

Fesyen yang memperlihatkan satu penanda aras gaya yang cukup sofistikated, secara tidak langsung melengkapkan aturan gaya fesyen ke pejabat untuk yang benar-benar menginginkan kesempurnaan gaya.

Bertemakan warna kehidupan, koleksi terbaru BIEM itu mengangkat elemen warna yang pelbagai sebagai salah satu kod etika untuk pakaian bekerja. Koleksi lelaki dan wanita moden itu cuba disesuaikan mengikut arus fesyen semasa.

Meskipun memilih tema yang berkait rapat dengan elemen retro, ia dilihat bijak menyuai padan persalinan dengan corak, warna dan rekaan yang tentunya menjadi pelengkap dalam setiap persalinan.

Selain menjanjikan kesempurnaan dalam gaya ke pejabat, padanan rekaan untuk lelaki dan wanita tidak tersekat oleh sempadan gaya sebaliknya jenama ini seolah-

olah mahu menongkah arus fesyen biasa dengan padanan warna dan motif lebih meriah.

#### Kemas buat jejak

Bagi menampakkan elemen karisma dalam persalinan lelaki, BIEM cuba mengilhamkan sentuhan retro yang lebih menebal menerusi seni jahitan dan kekemasan sebagai tunggak dalam rekaan kali ini.

Ternyata ada kelainan dalam persembahan rekaan di mana padanan kemeja, jaket dan seluar menampilkan perincian yang lebih matang dan mewah. Tidak terkecuali, turut menampilkan seni jahitan 'lapels' pada bahagian sisi sut yang memberi aura sofistikated sejati.

Elemen yang digarap itu nyata mengubah sebahagian besar dalam seni jahitan sut, manakala terdapat banyak corak pada baju, kardigan dan seluar nipis tirus yang dipersembahkan penuh cemerlang.

#### Semarak fesyen wanita

Berbeza pula dengan wanita, kemeriahan warna serta sentuhan rekaan cukup meluas menandakan ada pelbagai sudut dan paksi fesyen boleh dijadikan sebagai pelengkap segmen rekaan musim ini.

Dengan sentuhan fesyen lebih terbuka, BIEM meminjam aura warna seperti biru, merah jambu serta sedikit pancaran warna klasik seperti hitam, putih dan coklat sebagai antara padanan warna yang memasuki gelanggang rekaan.

Untuk menyuntik semangat elegan, jenama ini



menumpukan perincian pada bahagian kolar, lengan dan bahu dengan sedikit elemen feminin. Menggunakan fabrik 'sexychiffons' dan kain kapas, koleksi terbaru ini tidak sekadar memperlihatkan aura feminin malah menjurus kepada sifat kewanitaan sejati.

Apa ditunggu lagi, mulakan fantasi fesyen ke pejabat dengan rekaan BIEM yang kini menjengah pasaran pada harga antara RM89.90 hingga RM299.90.

## Kepuasan berlari...

**Berlarilah** ke mana saja yang kita mahukan. Begitulah antara elemen yang diangkat bagi membuktikan kemampuan sebenar jenama kasut sukan terkenal dunia, Salomon. Memperkenalkan tujuh peralatan sukan terbaru di bawah jenama itu, tiada yang dapat menghalang ketangkasan Salomon dalam menongkah setiap lurah dan laluan berlari.

Tujuh produk yang bertekankan kepada aktiviti sukan larian ekstrem iaitu XR Mission, Slab Sense Ultra, Exo S-Lab Zip Tee, S-Lab Light Jacket, Exo S-Lab TwinSkin Short, Advance Skin 12 Set dan Advance Skin-

Lab 2 Belt, antara lain mampu memberi kelancaran kepada aktiviti sukan berlari sekali gus menyokong adrenalin tambahan pada diri.

Kehebatan produk yang dihasilkan ini diperakui keberkesanan oleh atlet berkelas dunia seperti Kilian Jornet, Emelie Forsberg dan Stevie Khemer.

#### Sentuhan berkuasa

Tiga kasut yang dilancarkan Salomon iaitu XR Mission dan Slab Sense Ultra dicipta untuk melindungi tapak kaki khususnya pada bahagian jari kaki untuk kesempurnaan dalam berlari.

Redah semua permukaan dari batuan, tanah, rumput, kotoran dan konkrit, daya cengkaman pada bahagian tapak kasut memastikan ia dapat mengharungi dengan sempurna.

Jangan tidak tahu yang rekaan kasut juga lebih cepat kering kerana kemajuan teknologi yang diterapkan. Ini termasuklah pakaian dengan rekaan lebih ringan, mudah bernafas dan cepat kering.

Sama ada set pakaian ketat, jaket mahupun seluar sendat, setiap rekaan mempamerkan keunggulan dalam seni rekaan.

Bagi set yang dilengkapi beg minuman, disediakan pilihan di bahagian pinggang mahupun baju di mana ia memastikan pelari kekal di tahap terbaik.

Set sukan terbaru Salomon sedia terdapat di rangkaian kedai sukan di pusat beli-belah utama di Kuala Lumpur negara dan bandar besar lain.

